



**PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG
HAYAT BIDANG JAHITAN DAN PAKAIAN DI KOLEJ KOMUNITI,
MALAYSIA**

Oleh

NOORUL'AIN BINTI MD. SHARIFF

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2022

FPP 2022 75

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG
HAYAT BIDANG JAHITAN DAN PAKAIAN DI KOLEJ KOMUNITI,
MALAYSIA**

Oleh

NOORUL'AIN BINTI MD. SHARIFF

Mei 2022

Pengerusi : Suhaida binti Abdul Kadir, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kerajaan memperuntukkan sejumlah wang untuk kolej komuniti menjalankan program pendidikan yang merangkumi program sepenuh masa dan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Bidang jahitan dan pakaian merupakan antara program pembelajaran sepanjang hayat yang paling banyak dijalankan di kolej komuniti. Maka penilaian program terhadap pelaksanaan program PSH perlu dijalankan untuk memastikan hasil program dicapai dengan penggunaan kos yang optimum. Namun begitu, penilaian pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti kurang memfokuskan kepada pendekatan berorientasikan pengurusan dan analisis kos bagi menambah baik program tersebut.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat bagi bidang jahitan dan pakaian di kolej komuniti terpilih yang merangkumi penilaian berdasarkan pendekatan berorientasikan pengurusan dan analisis kos. Secara khususnya, kajian ini dilaksanakan berpandukan dua objektif kajian iaitu; 1) menentukan faktor pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian yang menyumbang kepada hasil program dan 2) menentukan pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian yang lebih berkesan berdasarkan analisis kos.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes ke atas lima buah kolej komuniti. Sampel kajian terdiri daripada peserta program sebanyak 613 orang responden. Instrumen yang digunakan bagi mencapai objektif pertama adalah borang soal selidik yang mengkaji faktor pelaksanaan program yang terdiri daripada faktor

kurikulum program, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, bahan dan peralatan, capaian program dan persekitaran pembelajaran. Instrumen ini dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan kajian lepas dan telah melalui fasa kesahan kandungan dan kesahan konstruk. Manakala, bagi mencapai objektif kajian ke dua, instrumen borang pengukuran kos telah dibangunkan untuk mengukur anggaran kos program. Instrumen ini juga dibangunkan berdasarkan kajian lepas dan telah melalui fasa kesahan kandungan oleh pakar.

Analisis regresi pelbagai menunjukkan faktor pelaksanaan yang menyumbang kepada hasil program berbeza mengikut kolej komuniti. Faktor kurikulum menjadi penyumbang utama kepada hasil program di kolej komuniti yang di kaji. Dapatan kajian mendapati faktor persekitaran pembelajaran tidak menyumbang kepada mana-mana hasil program di kolej komuniti yang dikaji. Berdasarkan analisis kos, nisbah keberkesanan kos digunakan untuk menentukan kolej komuniti yang berupaya untuk menjalankan program yang lebih berkesan dengan penggunaan sumber kewangan yang optimum.

Kajian ini memberikan implikasi kepada pihak pengurusan kolej komuniti supaya memberikan fokus kepada faktor pelaksanaan program yang menyumbang kepada hasil program PSH bidang jahitan dan pakaian. Seterusnya mengambil inisiatif dalam meningkatkan kualiti program supaya hasil program dapat dicapai dan menggalakkan penyertaan yang tinggi bagi menghasilkan program PSH yang lebih berkesan. Justeru itu, penilaian program menggunakan pendekatan berorientasikan pengurusan dan analisis kos adalah penting untuk dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan program yang dijalankan adalah relevan dan berkesan daripada segi kos.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF LIFELONG LEARNING PROGRAM IN THE FIELD OF SEWING AND CLOTHING AT COMMUNITY COLLEGES IN MALAYSIA

By

NOORUL'AIN BINTI MD SHARIFF

May 2022

Chair : Suhaida binti Abdul Kadir, PhD
Faculty : Educational Studies

The government allocates a certain amount of money for community colleges to run educational programs that include full-time programs and lifelong learning (PSH) programs. Sewing and clothing are among the most common lifelong learning programs at community colleges. So the program evaluation of the implementation of the PSH program needs to be carried out to ensure that the program's outcomes are achieved with the optimal use of costs. However, the evaluation of the implementation of lifelong learning programs in community colleges is less focused on management-oriented approaches and cost analysis to improve the program.

The main purpose of this study is to evaluate the implementation of the lifelong learning program for sewing and clothing courses at selected community colleges. This evaluation is based on a management-oriented approach and cost analysis. In particular, this study was carried out based on two research objectives, namely; 1) to determine the factors of the PSH program implementation in the field of sewing and clothing that contribute to the program's outcome and 2) to determine the implementation of the PSH program in the field of sewing and clothing that is more effective based on cost analysis.

A case study design on five community colleges was used in this study. The samples of study consisted of 613 respondents from the program participants. The instrument used to achieve the first objective is a questionnaire that examines program implementation factors which consist of program curriculum factors, teaching and learning activities, materials and equipment, program access, and learning environment. This instrument also measures program outcomes in terms of cognitive, affective, psychomotor, and economic. The instrument was developed by researchers based on previous studies and has

gone through content validity and construct validity phases. Meanwhile, to achieve the second objective of the study, an instrument to measure the estimated cost of the program was developed. This instrument was developed based on previous studies and has gone through a content validity phase by an expert.

Multiple regression analysis shows that factors that contributed to program outcomes differed by the community college. Curriculum and program access factors are the main contributors to program outcomes at community colleges. The findings of the study found that the learning environment factor did not contribute to any of the program outcomes at the community college that were studied. Based on the cost analysis findings, the cost-effectiveness ratio is used to determine which community colleges can run lifelong learning programs more effectively with optimal use of financial resources.

This study provides implications for the community college management to give more focus on program implementation factors that contribute to the outcome of the PSH program in the field of sewing and clothing. Next, take the initiative in improving the quality of the program so that the outcome of the program can be achieved and encourage high participation to produce a more effective PSH program. Therefore, program evaluation by adapting a management-oriented approach and cost analysis is important to be implemented from time to time to ensure that the program carried out is relevant and effective in term of cost.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmatnya memberikan kekuatan untuk saya sepanjang perjalanan menghasilkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen, dorongan, tunjuk ajar, nasihat dan doa daripada PM Dr Suhaida binti Abdul Kadir dan JK Penyeliaan.

Buat suami, Nasrudin bin Mohamad Nasir. Terima kasih atas kasih sayang, pengertian, dan kesabaran yang diberikan sepanjang perjalanan ini. Terima kasih kerana menjadi kekuatan dan memahami masa yang saya habiskan di hadapan komputer, menyelesaikan tugas dan menyiapkan tesis ini. Terima kasih kerana berada di samping saya dalam perjuangan ini dan mempercayai kemampuan saya untuk mencapainya.

Kepada ibu bapa saya, Mariam binti Adnan dan Md Shariff bin Ithnin terima kasih kerana mengajarkan saya erti ketekunan dan kerja keras. Terima kasih kerana memberikan saya segala yang diperlukan untuk mengejar impian saya. Terima kasih kerana sentiasa ada di sisi saya, memberikan semangat dan keyakinan bahawa saya mampu mencapai apa sahaja yang saya inginkan.

Adik-beradik, Balquis Sima, Mohd NoorKasyfi, Nur Hayati Amalin dan Noorul Syifaa. Terima kasih kerana sentiasa menyokong dan mewarnai saya dalam setiap langkah perjalanan ini.

Akhir sekali kepada sahabat-sahabat. Terima kasih atas keizinan masa, doa dan sokongan moral yang telah diberikan terutamanya daripada sahabat-sahabat sekerja dan sahabat-sahabat lain yang turut membantu dalam menyediakan tesis ini.

Sokongan yang tidak ternilai daripada semua insan-insan ini telah memberikan saya motivasi yang tidak pernah berhenti. Tanpa sokongan dan doa kalian, kejayaan menyiapkan tesis ini tidak akan mungkin tercapai. Saya tidak dapat mengungkapkan betapa berterima kasihnya saya kepada kalian semua. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa kalian semua.

Al-fatimah buat ayah yang selalu dirindui, Md Shariff bin Ithnin.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Suhaida binti Abdul Kadir, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Khairuddin bin Idris, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Ramli bin Basri, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Mac 2023

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tanda tangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Noorul 'Ain binti Md Shariff

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Suhaida binti Abdul Kadir

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Khairuddin bin Idris

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Ramli bin Basri

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	Halaman
ABSTRACT	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
	xviii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	6
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.6.1 Kepentingan Kajian Terhadap Analisis Keberkesanan Kos	9
	1.6.2 Kepentingan Kajian Terhadap Keberkesanan Kos Bagi Program Pembelajaran Sepanjang Hayat	10
	1.6.3 Kepentingan Kajian Terhadap Pihak Berkepentingan	10
	1.7 Skop dan Limitasi Kajian	11
	1.8 Definisi Operasional	12
	1.8.1 Analisis Kos	12
	1.8.2 Analisis Keberkesanan Kos	12
	1.8.3 Anggaran Kos Program	13
	1.8.4 Nisbah Keberkesanan Kos	13
	1.8.5 Hasil Program	14
	1.9 Rumusan	14
2	KAJIAN LITERATUR	15
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Pembelajaran Sepanjang Hayat	15
	2.3 Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti	21
	2.4 Penilaian Program Pendidikan	24
	2.5 Model Penilaian CIPP	25
	2.6 Faktor Pelaksanaan Program yang Menyumbang Kepada Hasil Program	26
	2.7 Analisis Keberkesanan Kos	29
	2.7.1 Analisis Kos	29
	2.7.2 Kajian Keberkesanan Kos	31
	2.7.3 Model Keberkesanan Kos	33
	2.7.4 Kajian Lepas	37

2.8	Kerangka Kajian	46
2.9	Rumusan	48
3	METODOLOGI KAJIAN	49
3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Lokasi Kajian	51
3.4	Populasi Dan Pensampelan	52
3.5	Instrumen Kajian	53
3.5.1	Instrumen Pengukuran Hasil Program PSH bagi Bidang Jahitan dan Pakaian	54
3.5.2	Instrumen Faktor Pelaksanaan Program yang Mempengaruhi Hasil Program	57
3.5.3	Instrumen Pengukuran Anggaran Kos Program	58
3.6	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	68
3.6.1	Kebolehpercayaan Instrumen	69
3.6.2	Kesahan Instrumen	70
3.6.2.1	Kesahan Kandungan	70
3.6.2.2	Analisis Faktor Penerokaan (Exploratory Factor Analysis - EFA)	70
3.6.2.3	Kesahan Konstruk	74
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	82
3.7.1	Hasil Program dan Faktor Pelaksanaan Program yang Mempengaruhi Hasil Program	82
3.7.2	Pengukuran Kos Program	83
3.8	Analisis Data	83
3.8.1	Analisis Deskriptif	86
3.8.2	Analisis ANOVA	86
3.8.3	Analisis Regresi Pelbagai	87
3.8.3.1	Analisis Penerokaan Data	87
3.8.3.2	Pengujian Andaian Statistik Inferensi	88
3.8.3.3	Analisis Inferensi	92
3.8.4	Analisis Kos	92
3.8.4.1	Kos Personel	93
3.8.4.2	Kos fasiliti	95
3.8.4.3	Kos Peralatan dan Bahan	96
3.8.4.4	Kos Input Peserta	98
3.8.5	Analisis Keberkesanan Kos	100
3.9	Rumusan	100
4	HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN	104
4.1	Pengenalan	104
4.2	Profil Demografi	104
4.2.1	Profil Demografi Kolej Komuniti	104

4.2.2	Profil Demografi Responden	107
4.3	Penentuan Faktor Pelaksanaan Program PSH yang Mempengaruhi Hasil Program PSH Bagi Bidang Jahitan Dan Pakaian Di Kolej Komuniti	108
4.3.1	Tahap Hasil Program	109
4.3.2	Perbezaan Hasil Program PSH Dalam Bidang Jahitan dan Pakaian Berdasarkan Kolej Komuniti	112
4.3.3	Tahap Faktor Pelaksanaan Program PSH Bidang Jahitan dan Pakaian di Kolej Komuniti	113
4.3.4	Faktor Pelaksanaan Program PSH Bidang Jahitan dan Pakaian dengan Hasil Program	116
4.3.5	Perbincangan Hasil Program dan Faktor Pelaksanaan Program PSH Bidang Jahitan dan Pakaian di Kolej Komuniti	120
4.4	Penentuan Pelaksanaan Program PSH Bagi Bidang Jahitan Dan Pakaian yang Lebih Berkesan Berdasarkan Analisis Kos	123
4.4.1	Anggaran Kos Program PSH bagi Bidang Jahitan dan Pakaian	123
4.4.1.1	Anggaran Kos Program berdasarkan Analisis Kos Kewangan	124
4.4.1.2	Anggaran Kos Program Berdasarkan Analisis Kos Ekonomi	132
4.4.1.3	Perbincangan Anggaran Kos Program	138
4.4.2	Pelaksanaan Program PSH Bagi Bidang Jahitan dan Pakaian yang Lebih Berkesan	139
4.4.2.1	Analisis Keberkesanan Kos berdasarkan Analisis Kos Kewangan	139
4.4.2.2	Analisis Keberkesanan Kos berdasarkan Analisis Kos Ekonomi	142
4.4.3	Perbincangan Analisis Keberkesanan Kos	144
4.5	Rumusan	144
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	150
5.1	Pengenalan	150
5.2	Rumusan Kajian	150
5.3	Kesimpulan	152

5.4	Implikasi	155
5.4.1	Implikasi Praktikal	155
5.4.2	Implikasi Teori	156
5.4.3	Implikasi Terhadap Dasar dan Polisi	157
5.5	Sumbangan Kajian	158
5.5.1	Peramal Keberkesanan Program	158
5.5.2	Instrumen Pengukuran Kos	158
5.5.3	Instrumen Kajian	159
5.6	Cadangan Praktis	159
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	160
5.8	Rumusan	160

RUJUKAN	161
LAMPIRAN	175
BIODATA PELAJAR	215
SENARAI PENERBITAN	216

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Bilangan Kursus Pada Tahun 2011 sehingga 2014	5
2	Bilangan Penyertaan Program PSH di Kolej Komuniti di Malaysia bagi Tahun 2011 hingga 2015	5
3	Ringkasan Kajian Lepas Dalam Kajian Keberkesanan Kos	39
4	Saiz Sampel Kajian	53
5	Instrumen Kajian	54
6	Soal Selidik	55
7	Profil Demografi	56
8	Jumlah Bilangan Item Bagi Hasil Program	57
9	Bilangan Item Bagi Faktor Mempengaruhi Hasil Program	58
10	Pengukuran Kos Program	60
11	Item Borang Pengukuran Kos	61
12	Nilai Pekali Alpha Cronbach	69
13	Nilai Pekali Alpha Cronbach Setiap Bahagian Instrumen	70
14	Terjemahan Statistik KMO oleh Hutcheson & Sofroniou (1999)	71
15	Keputusan Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan Bartlett bagi Konstruk Hasil Program	71
16	Pattern Matrix bagi Instrumen Hasil Program	73
17	Nilai Pekali Alpha Cronbach	74
18	Nilai AVE dan CR bagi Konstruk Hasil Program	77
19	Rumusan Indeks Kesahan Diskriminan bagi Konstruk Hasil Program	78
20	Nilai AVE dan CR bagi Konstruk Hasil Program	80

21	Rumusan Indeks Kesahan Diskriminan bagi Faktor Hasil Program	81
22	Tarikh Edaran Borang Kaji Selidik	82
23	Tarikh Edaran Instrumen Pengukuran Data Kos Program	83
24	Ringkasan Analisis Data	84
25	Jadual Interpretasi Min	86
26	Ujian Normaliti Bagi Pemboleh Ubah Kajian	89
27	Ujian Kekolinearan Berdasarkan Nilai Faktor Inflasi Varians (VIF)	90
28	Ujian Kekolinearan Berdasarkan Indeks Keadaan	91
29	Formula Anggaran Kos Personel	94
30	Kadar Bayaran Saguhati Mengikut Gred	95
31	Kadar Bayaran Saguhati Bukan Kakitangan Awam	95
32	Contoh Pengiraan Kos Fasiliti	96
33	Formula Anggaran Kos Peralatan	96
34	Formula Anggaran Kos Input Peserta	99
35	Ringkasan Metodologi Kajian	102
36	Profil Demografi Kolej Komuniti	106
37	Ringkasan Profil Data Demografi Responden	108
38	Perbandingan Nilai Min Hasil Program Mengikut Dimensi dan Kolej Komuniti	111
39	Hasil Ujian ANOVA	112
40	Hasil Ujian MANOVA	113
41	Skor Min Faktor Pelaksanaan Program PSH Mengikut Kolej Komuniti	115
42	Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	117
43	Analisis Varian Regresi	117

44	Analisis Regresi Keseluruhan	117
45	Koefisien bagi Faktor Kurikulum dan Capaian terhadap Hasil Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti	118
46	Regresi Faktor Pelaksanaan Program Menyumbang kepada Hasil Program Mengikut Kolej Komuniti	119
47	Ringkasan Anggaran Kos Program bagi Pelaksanaan Program PSH (Bidang Jahitan dan Pakaian) Mengikut Kolej Komuniti dan Kategori Kos	127
48	Perbandingan Anggaran Jumlah Kos Kewangan dan Kos Seunit Mengikut Kolej Komuniti	129
49	Perbandingan Anggaran Kos Ekonomi Berdasarkan Kategori Kos dan Kolej Komuniti	135
50	Perbandingan Kos Per Unit Mengikut Kolej Komuniti	137
51	Perbandingan Nisbah Keberkesanan Kos Kewangan	141
52	Perbandingan Nisbah Keberkesanan Kos Ekonomi	143
53	Rumusan Dapatan Kajian	146

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Pengukuran Kepuasan Pelajar Dalam Pembangunan dan Pembelajaran Pelajar Dewasa Program Sarjana Peringkat Makro	28
2	Kerangka Kajian Adaptasi Model CIPP	47
3	Proses Kajian Keberkesanan Kos Dalam Pendidikan	50
4	Borang Maklumat Kursus	62
5	Borang Pengukuran Kos Personel Bagi Kakitangan Tetap	64
6	Borang Pengukuran Kos Personel Bagi Kakitangan Sambilan atau Kontrak	65
7	Borang Pengukuran Kos Fasiliti	66
8	Borang Pengukuran Kos Peralatan	67
9	Borang Pengukuran Kos Bahan	67
10	Borang Pengukuran Kos Input Peserta	68
11	Model CFA Kesahan Konstruk Hasil Program	76
12	Model CFA Kesahan Konstruk Faktor Yang Mempengaruhi Hasil Program	79
13	Plot Selerak (Scatterplot) Ujian Linearity dan Homoskedastisiti	89
14	Contoh Pengukuran Kos Peralatan	97
15	Contoh Analisis Kos Bahan	98

SENARAI SINGKATAN

AGFI	Adjusted Goodness of Fit Indexes
ANOVA	Analysis of Variance
AVE	Average Variance Extracted
CFA	Confirmatory Factor Analysis
CFI	Comparative Fit Index
GFI	Goodness of Fit Indexes
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
MANOVA	Multivariate Analysis of Variance Test
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
RMSEA	Root Mean Square Error of Approximation

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan berkenaan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persolan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian serta definisi istilah yang digunakan di dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat telah menjadi agenda global. Pelbagai terma digunapakai menunjukkan konsep yang hampir serupa, seperti, pendidikan berterusan, pembelajaran dewasa, latihan di tempat kerja dan lain-lain. Pembelajaran sepanjang hayat adalah proses pembelajaran yang berlaku bermula seawal kelahiran sehingga akhir hayat di dalam dan di luar sistem pendidikan formal mengikut kesesuaian, keperluan dan kehendak individu (Laal, 2011). Hojat, Veloski, Nasca, Erdmann, dan Gonnella (2006) pula mentakrifkan pembelajaran sepanjang hayat dalam empat dimensi iaitu aspek tingkahlaku inisiatif sendiri, keupayaan memperoleh kemahiran pencarian maklumat, motivasi yang berterusan untuk belajar dan berkeupayaan untuk mengenal pasti keperluan pembelajaran mereka sendiri.

Pembelajaran sepanjang hayat diakui kepentingannya di negara-negara lain. Contohnya Negara Eropah telah mensasarkan sekurang-kurangnya 15% daripada orang dewasa yang berumur 25 hingga 64 tahun perlu mengambil bahagian dalam pembelajaran sepanjang hayat pada tahun 2020 (Council of Europe, 2009). Manakala di Thailand, individu yang keciciran pendidikan formal diberikan peluang ke dua untuk melengkapkan pengijazahan mereka melalui pembelajaran sepanjang hayat yang telah ditekankan dalam pendidikan non-formal di negara itu (Na-songkhla, 2011). Wu, Hsieh dan Lu (2015) menyatakan, Kementerian Pendidikan Taiwan telah mempromosikan pendidikan berterusan dalam kalangan pelajar dewasa sejak tahun 1998 dan sehingga kini, 99 buah kolej komuniti telah ditubuhkan dengan penawaran pelbagai program sebagai usaha untuk memberi motivasi dan peluang kepada pelajar dewasa untuk terlibat dalam program pendidikan yang berterusan.

Malaysia juga tidak terkecuali dalam mengiktiraf kepentingan pembelajaran sepanjang hayat ke dalam sistem pendidikan negara. Pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat adalah selaras dengan aspirasi negara untuk membangunkan pengetahuan dan kemahiran masyarakat yang akan memacu Negara (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2011). Salah satu agenda yang menjadi tumpuan kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke 11 adalah

memperkuhkan pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kemahiran yang memfokuskan kepada individu di luar sistem pendidikan formal di Malaysia (Unit Perancangan Ekonomi, 2015). Melalui Rancangan Malaysia ke 12, dalam pembangunan masyarakat peribelaajar, penekanan terus diberikan kepada pembudayaan dan pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat. Bagi memastikan lebih peluang tersedia kepada rakyat, penumpuan diberikan pada pembangunan dan peningkatan program pembelajaran sepanjang hayat serta penjenamaan pembelajaran sepanjang hayat yang berkesan (Unit Perancangan Ekonomi, 2021).

Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi), pembelajaran sepanjang hayat telah menjadi salah satu agenda penting dalam proses mentransformasi sistem pendidikan tinggi Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Malaysia telah mentakrifkan pembelajaran sepanjang hayat sebagai “proses pendemokrasian pendidikan menerusi penguasaan ilmu, kemahiran, dan keterampilan menerusi kaedah formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman di tempat kerja atau semasa latihan”. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) menyenaraikan tiga prinsip PSH dalam inisiatif ke arah pembudayaan PSH iaitu; (i) pendekatan pelaksanaan bukan sahaja tertumpu kepada pembelajaran formal tetapi termasuk pembelajaran secara tidak formal dan bukan formal; (ii) pengupayaan pembangunan sendiri melalui pendekatan yang berpusatkan pelajar supaya dapat mengukuhkan motivasi pelajar ke arah pembangunan pembelajaran sendiri; dan (iii) penyediaan ekosistem yang bersepadu dan selaras untuk memastikan peluang pembelajaran memenuhi harapan pelajar, komuniti dan industri.

Dalam Rancangan Malaysia ke 11 (RMK11) pembelajaran sepanjang hayat berperanan untuk meningkatkan kemahiran yang memfokuskan individu di luar sistem pendidikan formal di Malaysia (Unit Perancangan Ekonomi, 2015). Rancangan Malaysia ke 11 menunjukkan pendekatan pengukuhan PSH yang berbeza dengan Rancangan Malaysia ke 10. Rancangan Malaysia ke 10 lebih tertumpu kepada peningkatan kemahiran pekerja dengan menyediakan pembiayaan dan pembangunan profesional berterusan termasuk penawaran program pengijazahan kedoktoran Industri yang menjadi alternatif kepada program pengijazahan kedoktoran konvensional. Manakala pengukuhan pembelajaran sepanjang hayat dalam RMK11 tertumpu kepada dua strategi termasuk; meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program bagi memenuhi keperluan pembelajaran; dan menambah baik peraturan dan bantuan pembiayaan untuk meluaskan akses. Di bawah strategi pertama RMK11, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti telah dilantik untuk menerajui pemeraksanaan komuniti melalui program-program pembelajaran sepanjang hayat iaitu dengan memperkuh kurikulum PSH, mengurangkan pertindihan dan mengoptimalkan penggunaan sumber pada peringkat komuniti.

Penubuhan kolej komuniti adalah berdasarkan Memorandum No. 398/2225/00 yang dikemukakan oleh Menteri Pendidikan kepada Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000 dan beroperasi pada tahun 2001 dengan 12 buah kolej komuniti rintis.

Kolej komuniti telah dipersetujui untuk dijadikan sebagai Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) pada tahun 2004 oleh Kabinet (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2012).

Antara objektif program pembelajaran sepanjang hayat yang dijalankan di kolej komuniti adalah untuk membangunkan komuniti berpengetahuan dan untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula bagi mengisi keperluan tenaga kerja setempat (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2021). Justeru itu, dalam usaha memperkukuhkan dan menjadikan kolej komuniti sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat menjelang tahun 2025, kolej komuniti telah membuat pelbagai bentuk perubahan sama ada daripada segi pelaksanaan, kandungan kursus mahupun penunjuk prestasi utama diperingkat kolej.

Kolej Komuniti merupakan salah sebuah institusi pendidikan kebangsaan yang telah beroperasi selama lebih daripada 14 tahun. Sehingga tahun 2018 sebanyak 100 buah Kolej Komuniti telah beroperasi di seluruh Malaysia (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2018). Pelaksanaan, pengendalian dan penetapan yuran bagi kursus yang dijalankan di bawah program pembelajaran sepanjang hayat adalah berbeza mengikut pentadbiran di kolej komuniti itu sendiri.

Kolej komuniti menawarkan dua bentuk program iaitu, program pensijilan yang memfokuskan kepada pendidikan teknik dan vokasional dan program pembelajaran sepanjang hayat. Matlamat program pembelajaran sepanjang hayat kolej komuniti adalah untuk memupuk pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat, disamping untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan taraf sosio ekonomi mereka di masa akan datang.

Program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti secara amnya menumpukan kepada program latihan yang berasaskan keperluan komuniti setempat dan memastikan rakyat Malaysia mendapat akses pendidikan tanpa mengira umur, bangsa dan status. Sebanyak 22 bidang program yang mewakili kemahiran tertentu ditawarkan di bawah program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2021). Antaranya seperti bidang jahitan dan pakaian, grafik dan multimedia, bahasa, akuakultur, teknologi hijau dan lain-lain lagi.

Kursus-kursus mengikut bidang ini dijalankan dalam bentuk enam kategori iaitu; Kursus Pendek, Kursus Pendek Bermodular, Program Khas, Program Latihan Khas Akaun Amanah, Penajaan dan Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat. Kursus pendek merupakan kategori kursus yang paling kerap dijalankan diperingkat kolej komuniti. Kursus Pendek menggunakan Peruntukan Belanja Mengurus dalam hal-hal perbelanjaan kursus.

Kursus Pendek Bermodular dilaksanakan dengan menggunakan modul yang digunakan oleh pelajar program pensijilan sepenuh masa. Modul ini mewakili set kemahiran minimum sesuatu skop kerja yang ditawarkan dalam program Sijil Modular Kebangsaan di kolej komuniti. Oleh yang demikian kandungan kursus bagi kategori adalah seragam di semua kolej komuniti.

Manakala kategori Program Khas, kursus yang dijalankan menggunakan peruntukan khas daripada kementerian dan pada tempoh masa tertentu. Contohnya Program Latihan 1Malaysia yang berlaku pada tahun 2011 dan program My3L. Program Latihan Khas Wang Amanah dilaksanakan di bawah pembiayaan Akaun Amanah sepenuhnya yang ditubuhkan di beberapa kolej komuniti untuk menguruskan kursus yang direkabentuk secara pakej bagi memenuhi permintaan komuniti setempat.

Bagi kategori Penajaan, kursus yang dilaksanakan adalah atas permintaan agensi kerajaan, swasta, industri dan komuniti dengan menggunakan peruntukan yang dibiayai oleh penaja. Kolej komuniti akan menyediakan kursus termasuk daripada segi pembangunan kandungan kursus, masa, lokasi, penyediaan makan minum dan lain-lain hal seperti yang dicadangkan oleh pihak penaja.

Kategori kursus Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat dikendalikan melalui dua pendekatan iaitu; (a) peningkatan kemahiran dalam kalangan pelajar sekolah tahfis dan sekolah pondok dan (b) menyediakan Pendidikan Islam untuk golongan belia, pelajar dan komuniti setempat.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan pada tahun 2015, ribuan kursus telah dijalankan oleh kolej komuniti di bawah program pembelajaran sepanjang hayat yang melibatkan pelbagai cluster kemahiran dan pelbagai kategori program. Jadual 1 menunjukkan bilangan kursus yang telah dilaksanakan bagi tahun 2011 hingga 2014. Data ini diperolehi daripada Koleksi Informasi Terkini Kolej Komuniti Edisi 2015. Secara purata lebih daripada 10,000 kursus dijalankan di kolej komuniti di seluruh negara pada setiap tahun. Ini membuka banyak ruang dan peluang kepada komuniti setempat untuk menyertai kursus yang ditawarkan.

Jadual 1: Bilangan Kursus Pada Tahun 2011 sehingga 2014

Tahun	Jumlah Kursus
2011	11,076
2012	10,013
2013	7,717
2014	14,287
Purata Kursus	10,773

Ribuan kursus ini telah disertai oleh ribuan penyertaan daripada komuniti setempat yang terdiri daripada pelbagai kumpulan sasar. Berdasarkan data yang diperolehi melalui Sistem ePSH Kolej Komuniti, penyelidik mendapati jumlah penyertaan yang tinggi secara konsisten pada setiap tahun yang melebihi 200,000 penyertaan. Ini menggambarkan kolej komuniti Jadual 2 menunjukkan taburan data penyertaan program PSH bagi tahun 2010 hingga 2015 di kolej komuniti di Malaysia. Tahun 2014 mencatatkan rekod penyertaan tertinggi iaitu sebanyak 314,828 penyertaan daripada 162,917 peserta. Berdasarkan Jadual 2, secara purata penyertaan dalam program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti seluruh Malaysia adalah melebihi 230,000 penyertaan daripada seramai 127,762 peserta secara purata setiap tahun.

Jadual 2: Bilangan Penyertaan Program PSH di Kolej Komuniti di Malaysia bagi Tahun 2011 hingga 2015

Tahun	Jumlah Penyertaan	Jumlah Bilangan Peserta
2011	219,183	162,105
2012	206,562	110,301
2013	277,083	142,217
2014	314,828	162,917
2015	279,760	136,043
Purata setahun	236,746	127,762

Pengurusan program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti dibiayai menggunakan peruntukan Belanja Mengurus yang juga digunakan untuk pelaksanaan program pensijilan sepenuh masa. Berdasarkan laporan tahunan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti tahun 2010, sejumlah RM141 juta dan RM181 juta telah dibelanjakan pada tahun 2008 dan 2009 untuk pengurusan pelaksanaan ke dua-dua bentuk program tersebut. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM40 juta dalam perbelanjaan pengurusan. Pada tahun 2011, kerajaan telah memperuntukkan 500 juta ringgit untuk pelaksanaan Program Latihan 1Malaysia dalam pemodal modal insan yang melibatkan Kolej Komuniti, IKBN, ILP dan Pusat Giat Mara (Kementerian Kewangan, 2011). Namun sejauh mana peruntukan-peruntukan ini telah digunakan dengan cekap.

Menurut Belfield & Levin (2013), kajian keberkesanan kos dalam bidang pendidikan kurang mendapat sambutan penyelidik walaupun penelitian kos sesebuah intervensi terhadap permasalahan pendidikan yang sedang dikaji amat penting dalam menentukan langkah yang paling efektif dan penggunaan sumber kos yang minima untuk rujukan masa hadapan. Belfield & Levin (2013) menyatakan, hasil daripada kajian keberkesanan kos, membolehkan pembuat keputusan memilih program yang paling berkesan mengikut kesesuaian sumber yang ada, atau program yang menggunakan kos yang paling minima untuk hasil program yang diinginkan. Analisis kos boleh membantu dalam merancang dan menerima pakai program baharu atau dalam menambah baik program sedia ada dengan menilai dan menentukan kos sumber yang diperlukan untuk melaksanakan program baharu (Hollands & Levin, 2017).

Pentadbiran pendidikan secara umum bermaksud merancang, mengatur, membimbing, menyelaras, menyelia, dan menilai proses pendidikan, atau secara khusus ia bermaksud bimbingan, bantuan, dan mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk aktiviti pendidikan (Rahiminezhad, 2020). Tanggungjawab memastikan institusi pendidikan berfungsi dengan baik adalah penting dalam pengurusan pendidikan (Connolly et al., 2019). Justeru itu, tidak dapat dinafikan kepentingan kos bagi penggubal dasar untuk menjalankan sesebuah aktiviti pendidikan (Monk, 1996).

Kajian keberkesanan kos memerlukan penyelidik untuk mengenalpasti kos pelaksanaan program dan hasil program secara serentak. Kebanyakan kajian keberkesanan kos menggunakan skor ujian, kadar pelajar lulus dan bilangan pelajar sebagai hasil program (lihat Hollands et al., 2016 ; Sailors & Flores, 2014; Yeh, 2009). Terdapat juga kajian yang menggunakan skor perubahan tingkah laku dan kepuasan pembelajaran sebagai hasil program seperti kajian Jung (2005) dan Noran Fauziah Yaakob et al. (2005). Menurut Tombs (2011), aspek lain untuk mengukur keberkesanan latihan adalah dengan mengkaji tingkah laku pelatih dan motivasi untuk belajar yang mempengaruhi reaksi pelatih terhadap program latihan.

1.3 Pernyataan Masalah

Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti telah dipertanggungjawab untuk memperkasa komuniti melalui pendidikan dengan dengan memperkukuh kurikulum pembelajaran sepanjang hayat, mengurangkan pertindihan dan mengoptimumkan penggunaan sumber pada peringkat komuniti (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Keberkesanan kos merupakan salah satu daripada tujuh prinsip dalam pembangunan inisiatif, aktiviti dan program pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia iaitu dengan penyampaian aktiviti dan program yang cekap bagi memaksimumkan penggunaan sumber yang berharga (Kementerian Pengajian Tinggi, 2011). Fitzpatrick et al (2004), menyatakan kepentingan analisis kos dalam penilaian program di mana, kesalahan sebenar terletak pada penilaian program adalah gagal mempertimbangkan kos bersama dengan pembolehubah lain. Dan dalam membuat keputusan yang baik, ia

bergantung kepada pengetahuan terhadap pencapaian sesebuah program pada sesuatu kos.

Sebanyak 22 bidang program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan di kolej komuniti. Salah satu bidang program yang mempunyai penyertaan yang tinggi adalah bidang jahitan dan pakaian. Pelaksanaan program yang tinggi melibatkan penggunaan kos yang tinggi. Pelaksanaan dan pengendalian program pembelajaran sepanjang hayat adalah berbeza mengikut pentadbiran di kolej komuniti itu sendiri dengan menggunakan anggaran belanja mengurus di kolej komuniti masing-masing. Laporan tahunan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti tahun 2010, sejumlah RM141 juta dan RM181 juta telah dibelanjakan pada tahun 2008 dan 2009 untuk pengurusan pelaksanaan program sepenuh masa dan program pembelajaran sepanjang hayat. Pada tahun 2011, kerajaan telah memperuntukkan 500 juta ringgit untuk pelaksanaan Program Latihan 1Malaysia dalam pemodal modal insan yang melibatkan Kolej Komuniti, IKBN, ILP dan Pusat Giat Mara (Kementerian Kewangan, 2011).

Penilaian program pembelajaran sepanjang hayat yang dijalankan di kolej komuniti lebih menumpukan kepada hasil program PSH dalam pelbagai bidang. Mustaffa & Jamaludin (2014) menjalankan kajian keberkesanan kursus membaiki telefon bimbit terhadap peningkatan pendapatan peserta di Kolej Komuniti Bayan Baru. Faizullah et al. (2014) telah menjalankan kajian untuk mengenalpasti perbezaan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta setelah mengikuti kursus PSH di kolej komuniti. Aris et al., (2019), menjalankan kajian berkaitan persepsi peserta terhadap program PSH bidang pengkomputeran dalam aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan kepimpinan komuniti. Lain-lain penyelidikan seperti Ealangov et al., (2018) dan Malik et al., (2018) juga menjalankan kajian yang memfokuskan kepada hasil program.

Ini menunjukkan penilaian pelaksanaan program yang komprehensif dalam semua aspek seperti kos, kualiti dan faktor yang mempengaruhi hasil program masih kurang diberi perhatian. Data-data seperti ini penting dalam membuat keputusan terhadap penawaran dan perancangan pelaksanaan program, sama ada untuk diteruskan, diperbaiki atau dihentikan. Bukan itu sahaja, penghasilan keputusan berasaskan bukti sangat bergantung kepada penilaian program dan pengukuran prestasi (McDavid et al., 2018).

Kajian kos bukan sahaja kurang popular dalam penyelidikan pendidikan dalam negara tetapi juga di luar negara. Ini dapat dilihat, apabila carian dibuat menggunakan kata kunci kos, keberkesanan kos dan analisis kos melalui journal-journal berindeks scopus yang berkaitan dengan pembelajaran sepanjang hayat seperti *Education & Training*, *Australian Journal of Adult Learning*, *International Journal of Lifelong Education*, *International Journal of Training*, dan *Journal of Vocational Education & Training*, menunjukkan kurang daripada 10 artikel yang mempunyai kata kunci kos di dalam tajuk artikel. Hal ini membuktikan pernyataan oleh Levin dan Belfield (2014) yang menyatakan, bidang pendidikan agak ketinggalan dalam penghasilan kajian yang mengkaji

analisis keberkesanan kos berbanding dalam bidang kesihatan yang mempunyai lambakan kajian berkaitan seterusnya membolehkan para pengkaji untuk merujuk, membuat perbandingan dan meneroka kajian lepas tentang teknik, metodologi dan bagaimana kajian analisis keberkesanan kos dijalankan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan itu, bagi mengisi jurang ini dalam bidang penyelidikan pendidikan, kajian ini mengkaji bagaimana analisis kos dapat menentukan pelaksanaan program yang lebih berkesan dan mengkaji faktor yang mempengaruhi hasil program. Kajian keberkesanan kos membolehkan penyelidik untuk mengenalpasti kecekapan kolej komuniti dalam mengendalikan program pembelajaran sepanjang hayat yang lebih kos efektif. Hal ini demikian kerana kajian keberkesanan kos merupakan satu bentuk penilaian khusus yang membolehkan penyelidik untuk membuat keputusan bermaklumat tentang kaedah alternatif terhadap sesebuah matlamat (Davis, 2012). Bowden (2014), mencadangkan supaya kajian keberkesanan kos dilaksanakan diperingkat tapak (*site level*) seterusnya hasil dapatan bagaimana keberkesanan kos berubah di lokasi yang berbeza dimaklumkan kepada pihak berkepentingan.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah menilai pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat bagi bidang jahitan dan pakaian di kolej komuniti terpilih. Penilaian tersebut merangkumi faktor pelaksanaan yang mempengaruhi hasil program dan penentuan keberkesanan program berdasarkan analisis kos.

Secara khususnya, terdapat objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan faktor pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian yang menyumbang kepada hasil program.
2. Menentukan pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian yang lebih berkesan berdasarkan analisis kos.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif pertama iaitu menentukan faktor pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian yang mempengaruhi hasil program, persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap hasil program PSH bidang jahitan dan pakaian di setiap kolej komuniti?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi hasil program PSH bidang jahitan dan pakaian berdasarkan kolej komuniti?
3. Apakah tahap faktor pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian di setiap kolej komuniti?

4. Adakah terdapat hubungan antara faktor pelaksanaan dengan hasil program PSH bidang jahitan dan pakaian di setiap kolej komuniti?
5. Sejauh mana faktor pelaksanaan menyumbang kepada hasil program PSH bidang jahitan dan pakaian di setiap kolej komuniti?

Bagi mencapai objektif kedua iaitu menentukan pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian yang lebih berkesan berdasarkan analisis kos persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan anggaran kos berdasarkan analisis kos kewangan bagi program PSH bidang jahitan dan pakaian mengikut kolej komuniti?
2. Adakah terdapat perbezaan anggaran kos berdasarkan analisis kos ekonomi bagi program PSH bidang jahitan dan pakaian mengikut kolej komuniti?
3. Adakah terdapat perbezaan keberkesanan kos berdasarkan analisis kos kewangan bagi pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian mengikut kolej komuniti?
4. Adakah terdapat perbezaan keberkesanan kos berdasarkan analisis kos ekonomi bagi pelaksanaan program PSH bidang jahitan dan pakaian mengikut kolej komuniti?

1.6 Kepentingan Kajian

Bahagian ini menerangkan kepentingan kajian daripada aspek pengukuran kos program, keberkesanan program dan kepentingannya terhadap pihak-pihak berkepentingan.

1.6.1 Kepentingan Kajian Terhadap Analisis Keberkesanan Kos

Perbelanjaan pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti berkongsi peruntukan dengan pengurusan program sepenuh masa. Hal ini adalah kerana, program pembelajaran sepanjang hayat masih menggunakan fasiliti, peralatan, premis, tenaga pengajar dan lain-lain berkaitan yang turut digunakan dalam program pensijilan dan diploma. Maka tiada perbelanjaan yang mengkhususkan kepada program pembelajaran sepanjang hayat direkodkan. Oleh itu, kajian ini memberikan gambaran penuh tentang kos dan hasil program pembelajaran sepanjang hayat di kolej komuniti. Kajian ini menjadi perintis bagi panduan kajian-kajian akan datang dalam analisis kos khususnya dalam program pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia. Seterusnya penambahbaikan daripada segi teknik, metodologi, skop kajian dan lain-lain boleh dibuat.

Kajian ini menjelaskan apakah dan bagaimanakah kos ditentukan. Analisis kos bukan sahaja menentukan kos yang dibelanjakan semata-mata tetapi juga kos ditentukan menggunakan pelbagai teknik harga pasaran, kos melepasi dan lain-

lain. Kajian ini juga menerangkan kaedah yang digunakan untuk menilaikan sumber bagi satu-satu kos seperti sumber yang diperolehi bukan dalam bentuk kewangan (sumber *in-kind*) (contoh bilik kuliah yang sedia ada di kolej yang juga digunakan untuk pelajar sepenuh masa).

1.6.2 Kepentingan Kajian Terhadap Keberkesanan Kos Bagi Program Pembelajaran Sepanjang Hayat

Keperluan terhadap kajian keberkesanan kos bagi program pendidikan di Amerika Syarikat semakin meningkat semenjak tahun 2012 (Bowden, 2014). Namun, kajian keberkesanan kos amat jarang dijalankan dalam program pembelajaran sepanjang hayat. Kebanyakan kajian keberkesanan kos diaplikasikan dalam kajian diperingkat pendidikan formal seperti; kadar pelajar yang berjaya tamat pengajian diperingkat sekolah tinggi (F. Hollands et al., 2014), pertuturan, bahasa dan komunikasi (Law et al., 2010), penilaian guru (Jung, 2005; Yeh, 2009), perbandingan program ijazah di kolej yang berbeza (Davis, 2012), literasi (F. Hollands et al., 2016; Massoni & Vergnaud, 2012; Simon, 2011), polisi (Ilon, 2004) dan lain-lain lagi. Sedangkan untuk membangunkan sesebuah program pembelajaran sepanjang hayat turut melibatkan penggunaan kos yang banyak. Walaupun ada kalanya perolehan sumber tertentu diberikan secara percuma, tetapi setiap sumber mempunyai nilai dan perlu ditentukan nilainya.

Maka kajian ini mengisi jurang kajian dengan mengaplikasikan kajian keberkesanan kos dalam program pembelajaran sepanjang hayat kerana kebanyakan kajian lepas mengkaji keberkesanan kos dalam persekitaran pendidikan formal. Seperti yang dinyatakan oleh Levin dan Belfield (2014), dengan lambakan kajian berkaitan membolehkan para pengkaji untuk merujuk, membuat perbandingan dan meneroka kajian lepas tentang teknik, metodologi dan bagaimana kajian analisis keberkesanan kos dijalankan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Kajian keberkesanan kos yang dilaksanakan di kolej komuniti ini hanya menjelaskan maklumat yang signifikan ke atas satu bidang program pembelajaran sepanjang hayat iaitu Bidang Fesyen dan Jahitan dalam satu fenomena pendidikan yang sedang berkembang iaitu pembelajaran sepanjang hayat. Hasil dapatan kajian ini menerangkan dua sudut ilmu, iaitu keberkesanan kos dan faktor peramal terhadap hasil program.

1.6.3 Kepentingan Kajian Terhadap Pihak Berkepentingan

Hasil dapatan dan cadangan daripada kajian ini, seterusnya boleh digunakan oleh pembuat polisi untuk menggalakkan lebih banyak penyelidikan pada masa depan supaya segala keputusan dapat dibuat berdasarkan bukti empirikal dan bukan pandangan semata-mata khususnya dalam menentukan program yang

